

# PERIBAHASA CERMINAN BUDI BAHASA DAN BUDAYA BANGSA MELAYU

**THE MALAY PROVERBS: A REFLECTION OF MALAY  
POLITENESS AND CULTURE**

**Hamidah Abdul Wahab<sup>1</sup>**

**Siti Marina Kamil<sup>2</sup>**

Centre for Language Studies, Universiti Malaysia Sarawak

<sup>1</sup>awhamidah@cls.unimas.my <sup>2</sup>ksmarina@cls.unimas.my

## Abstrak

Bangsa Melayu sememangnya terkenal dengan adat resam dan budaya turun-temurun termasuklah bahasa yang diwarisi daripada nenek moyang terdahulu. Makalah ini meneliti aspek peribahasa Melayu yang mencerminkan budi bahasa yang melibatkan unsur kesantunan, dan juga budaya Melayu yang bertunjangkan agama Islam. Contoh-contoh peribahasa yang diguna pakai dipetik daripada *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* susunan Abdullah Hussain (2006) untuk menyerlahkan aspek-aspek yang dimaksudkan. Penelitian peribahasa secara sederhana ini secara langsung memaparkan unsur kesantunan Melayu yang menitikberatkan kesopanan tutur kata dan pada masa sama menyerlahkan kearifan masyarakat dalam memelihara keharmonian interaksi sosial menerusi bahasa yang digunakan.

Kata kunci: peribahasa Melayu, bahasa dan budaya, kesantunan

## Abstract

*The Malays are well known for their rich inheritance in language and culture. This article aims to discuss the Malay proverbs, believed to be a reflection of the Malay lifestyle which is synonymous to politeness and at the same time closely related to the religion of the people. Data are taken from the *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* compiled by Abdullah Hussain (2006). The analysis of the data have shown that the function of proverbs used among the Malays is closely related to their effort in keeping harmony within the group thus reflecting wisdom of the people who maintained politeness in their daily social interaction via the language used.*

Keywords: Malay proverbs, language and culture, politeness.

## Pendahuluan

*Bahasa menunjukkan bangsa dan bahasa jiwa bangsa merupakan ungkapan yang sering bermain di bibir masyarakat kita. Dalam menonjolkan sifat, jiwa dan raga sesuatu bangsa, maka molek ditelah elemen bahasa yang merupakan satu dasar yang telah mendokumentkan latar sosial, sejarah, peradaban dan ketamadunan bangsa tersebut. Menerusi olahan bahasa*

pantun misalnya, sesuatu budaya yang meliputi aspek-aspek kehidupan sesebuah komuniti dapat diteliti dan sememangnya memberikan banyak sumber maklumat berkaitan cara hidup dan pandangan semesta, malah corak pemikiran komuniti tersebut. Penggunaan peribahasa juga merupakan satu bentuk bahasa yang sering mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya. Dalam memperkatakan hal ini, peribahasa Melayu dari sudut kemampuannya dalam mengungkapkan nilai budi bahasa dan budaya bangsa Melayu akan ditinjau secara lebih dekat dengan memanfaatkan *Kamus Peribahasa Melayu* susunan Abdullah Hussain (2006).

### **Peribahasa Melayu**

Peribahasa dirujuk sebagai bentuk ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian tertentu, manakala nilai merujuk kepada darjah, kualiti, mutu dan taraf serta sifat ketinggian dari segi pemikiran, agama, kemasyarakatan dan sebagainya (Kamus Dewan, 2007, p. 1185). Dalam pengertian yang lebih luas, peribahasa dapat juga dinyatakan sebagai satu bentuk penggunaan bahasa yang menarik dan berkesan dengan penggunaan kata-kata dan susunan tertentu, untuk memberi rasa keindahan, nasihat, pengajaran serta peringatan kepada pendengarnya. Hal ini demikian kerana, di samping kandungan peribahasa yang sarat dengan isi, kiasan dan perbandingan hal, olahan bentuk dan strukturnya adalah ringkas dan padat dengan kehadiran kata-kata, misalnya *bak*, *bagai*, *seperti*, dan *umpama*. Dengan keadaan ini, peribahasa mendapat tempat dalam masyarakat Melayu yang sering dikenali sebagai masyarakat berbudi bahasa dan mempunyai nilai santun yang tinggi, baik dari segi pertuturan maupun dalam gaya bukan lisan.

Lazimnya, ungkapan peribahasa dicipta oleh generasi terdahulu dengan matlamat atau tujuan tertentu. Contohnya dalam melahirkan rasa hati atau perasaan, masyarakat dahulu kurang menggunakan bahasa bersifat langsung dan berterus terang kerana sifat semula jadinya yang mungkin malu dengan individu yang dilawan bercakap. Justeru, penggunaan bahasa dalam bentuk perbandingan serta kiasan dalam peribahasa dijadikan alat utama dalam menzahirkan perasaan. Selain itu, bentuk peribahasa wujud disebabkan keperluan untuk menegur atau mebaiki sesuatu keadaan atau tingkah laku seseorang yang tidak manis pada penglihatan. Dalam konteks ini, peribahasa digunakan sebagai satu bentuk yang berhemah, iaitu penyampaiannya secara lembut, berkias dan tidak bersifat menghentam peribadi seseorang, namun bersifat mendidik dan memberi pengajaran. Di samping itu, peribahasa turut hadir dalam keperluan mengungkapkan hal-hal kebudayaan sesebuah masyarakat secara lebih indah dan pada masa sama menunjukkan corak pemikiran yang kreatif dan berseni bagi masyarakatnya.

### **Penggunaan Peribahasa dalam Konteks Bahasa dan Budaya**

Dalam situasi menegur seseorang yang kurang berhemah dalam tingkah laku dan tutur katanya, masyarakat Melayu dahulu kebiasaannya menggunakan peribahasa yang sesuai dengan konteks perkara tersebut berlaku. Sememangnya konsep budi bahasa dan kesantunan menjadi fokus utama dalam pemilihan dan penggunaan peribahasa ini agar pihak yang ditegur tidak berasa tersinggung atau berkecil hati kerana bahasa yang digunakan tidak bersifat langsung. Selain itu, penggunaan bahasa sebegini juga mampu menunjukkan keprihatinan dan kehemahan pihak yang menegur kerana bahasa baik yang digunakan itu mencerminkan keperibadiannya yang tinggi. Misalnya, perbincangan beberapa contoh peribahasa berikut jelas menggambarkan keadaan yang dimaksudkan.

i. *Bagai limau masam sebelah.*

Peribahasa di atas bermaksud hukuman atau pertimbangan yang kurang adil atau berat sebelah (Abdullah Hussain, 2006, p. 22). Dalam konteks budaya dan masyarakat Melayu, pemilihan dan penggunaan kata-kata yang sesuai dengan aspek sosial komuniti merupakan antara perkara pokok yang perlu dititikberatkan. Justeru, apabila menegur seseorang atau sesuatu pihak akan kepincangan tingkah laku mereka dalam masyarakat, misalnya kurang adil dalam membuat keputusan atau menjatuhkan hukum dan seumpamanya seperti tergambar dalam peribahasa di atas, penutur harus bijak menggunakan bahasanya agar tidak menimbulkan konflik dengan pihak yang ditegur.

Melalui penggunaan elemen perbandingan seperti *limau* dalam ungkapan di atas, pendengar akan mengasosiasikan makna yang didukung oleh perwakilan kata tersebut dengan sifat dan ciri buah limau yang dalam keadaan tersebut ialah masam. Maka, tidak wujud kemungkinan bahawa sebiji buah limau memiliki rasa masam yang berbeza jika dibelah menjadi dua bahagian. Penzahiran makna menerusi peribahasa ini jelas menunjukkan kepekaan masyarakat yang menghasilkannya kerana kebijaksanaan mereka membuat kiasan menggunakan elemen alam sekitar dan membandingkannya dengan situasi yang berlaku melibatkan individu dalam masyarakat mereka. Secara tidak langsung bahasa yang diolah secara halus dan digunakan dalam konteks ini mampu memelihara rasa sensitif terhadap perasaan dan pemikiran pihak lain yang berkemungkinan tidak menyedari akan keterlanjurannya dalam memutuskan sesuatu hukuman atau keputusan secara tidak wajar.

Peribahasa di bawah pula menunjukkan penggunaan peribahasa Melayu yang sesuai dengan konteks adat dan budaya Islam.

ii. *Adat memakai, syarak mengata.*

iii. *Adat penuh ke atas, syarak penuh ke bawah.*

Berdasarkan Kamus Istimewa Peribahasa Melayu, peribahasa *ii* di atas bermaksud adat yang tidak sesuai dengan hukum Tuhan dan tidak selaras dengan keadaan semasa tidaklah guna dipertahankan, kerana adat harus takluk kepada hukum syarak (Abdullah Hussain, 2006, pp. 3-4). Manakala peribahasa *iii* bermakna adat itu sebutan yang besar namun boleh diperlonggarkan, sedangkan hukum Tuhan tidak boleh diubah-ubah dan orang mesti mematuhiinya. Berlandaskan konsep ini jelas bahawa penggunaan sesuatu adat resam perlu bersesuaian dengan konteks budaya dan zaman serta wajib mematuhi hukum yang telah ditetapkan dalam agama Islam. Selain itu, penggunaan adat dalam kehidupan seharian merupakan satu bentuk yang terbatas sifatnya jika diletak di sisi Islam kerana walaupun adat tersebut diterima dan digunakan sejak sekian lama dalam masyarakat, aspek-aspek yang mendasari agama Islam haruslah diambil perhatian dan diutamakan lantaran syariat Islam merupakan unsur terpenting dalam kelestarian hidup individu Muslim.

## Rumusan

Peribahasa Melayu merupakan satu bentuk penggunaan bahasa yang berjaya mengungkapkan isu-isu berkait kehidupan masyarakat dalam nada dan suasana yang berbeza dengan bahasa literal yang lebih langsung maksudnya. Dalam penggunaan peribahasa, masyarakat dahulu yang membina ungkapan ini didapati sangat arif dan peka dengan persekitaran mereka sehingga berupaya menerapkan unsur-unsur flora dan fauna

serta entiti konkret lain dalam mengindahkan perbandingan serta kiasan tersebut. Elemen-elemen yang mendominasi peribahasa Melayu ini menggambarkan bahawa masyarakat ini sememangnya akrab dengan alam dan budaya mereka, di samping mahir menggunakan bahasa bagi tujuan berkesan. Pemakaian peribahasa dalam konteks lisan atau penulisan juga secara tidak langsung turut menyerlahkan sisi budaya dan latar sosial masyarakat ini.

### Rujukan

- Abdullah Hussain. (2006). *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
*Kamus Dewan*. (2007). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.